

07/04/2002

Amerika nafikan hak rakyat Palestin di bumi sendiri

PEMIMPIN Palestin, Yasser Arafat kini hidup dalam tahanan rumah meskipun ada usaha Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon mahu membuangnya ke negara lain dengan niat yang hanya diketahui oleh rejim Zionis itu. Bangunan yang diduduki Pengerusi Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) di Ramallah, Tebing Barat itu cuma tinggal dua bilik selepas dirempuh kereta kebal awal minggu ini. Bekalan makanan dan ubatan disekat daripada memasuki bangunan itu. Sistem telekomunikasi musnah menyebabkan Arafat terputus hubungan dengan dunia luar.

Apa keadaan sebenar yang berlaku di Palestin sekarang? Mengapa rakyatnya terus ditindas dan mengapa Israel begitu kejam? Benarkah Amerika Syarikat 'mengiakan' segala kemahuan Israel termasuk membekal senjata? Ikuti pertemuan wartawan Berita Minggu, KADIR DIKOH dengan Menteri Luar Palestin, Farouk Kaddoumi (gambar) yang berada di Kuala Lumpur baru-baru ini untuk menghadiri Sesi Khas Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM).

Apakah yang sedang berlaku di Palestin sekarang?.

Keadaan sekarang amat kritikal kerana keganasan berterusan Israel. Terbaru, mereka menyerang Ramallah di Tebing Barat, memusnah sebahagian besar ibu pejabat pemimpin kami, Yasser Arafat yang kini dalam kepungan. Tentera Israel merempuh bangunan ini dengan kereta kebal sehingga tinggal dua bilik saja yang boleh diduduki Arafat bersama pembantunya. Israel terus mengerahkan tenteranya dan mengepung kampung serta bandar-bandar di Palestin. Mereka sudah membahagikan wilayah kepada 227 bahagian yang diasingkan sepenuhnya. Mereka tidak membenarkan sebarang ubat atau makanan dibawa masuk ke Ramallah. Tentera Israel menggunakan helikopter, senapang F16, kereta kebal dan pelancar roket. Semua ibu pejabat polis dan keselamatan musnah sama sekali, termasuk bangunan, lapangan terbang, landasan kapal terbang dan pelabuhan laut. Malah, rejim Zionis itu memusnahkan paip air, lebih 300,000 pokok buah-buahan dan pokok pine. Semuanya bagi menghalang pergerakan rakyat Palestin sehingga meningkatkan kadar pengangguran.

Masyarakat antarabangsa khususnya negara-negara Islam kerap kali mengutuk keganasan Israel, tetapi nampaknya tiada kemajuan. Apakah pilihan yang ada bagi Palestin sekarang?

Sidang Kemuncak Arab di Beirut minggu lalu meluluskan proses damai atas inisiatif Arab Saudi. Antaranya ia mencadangkan pengunduran Israel dari semua wilayah Arab yang diduduki (sejak perang 1967) dan sebagai ganti, semua negara Liga Arab akan mengiktiraf Israel. Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah mengalukan inisiatif ini. Beberapa hari lalu juga, Norway mengemukakan draf resolusi di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan diterima oleh 14 anggota, meminta supaya dihentikan serangan. Tetapi Israel tidak berbuat apa-apa, seolah-olah Majlis Keselamatan PBB tidak meluluskan sebarang resolusi walaupun resolusi Majlis Keselamatan adalah mandatori.

Jadi apa yang boleh diharapkan?

Kita perlukan pihak ketiga iaitu PBB menghantar pasukannya. Pada 1995, kita ada persetujuan antara pihak yang bertelagah iaitu tentera Israel berundur dari Bukit Golan dan Senaa. Pasukan pengaman PBB perlu bagi menghentikan peperangan. Jika tidak, keganasan Israel terhadap rakyat Palestin akan berterusan.

Dalam pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad,

Selasa lalu, apakah antara isu dibangkitkan?

Saya berjumpa dengan Dr Mahathir bagi memberi taklimat kepadanya mengenai perkembangan terkini di wilayah yang diduduki Israel dan menyampaikan mesej daripada Arafat yang berterima kasih kepada Perdana Menteri dan rakyat Malaysia atas sokongan berterusan terhadap perjuangan rakyat Palestin. Keadaan di Palestin yang saya cerita tadi, saya jelaskan kepada beliau dan pada masa sama menunjukkannya peta. Saya boleh tunjuk anda juga peta ini mengenai kependudukan wilayah kami oleh Israel dan apakah yang berlaku di situ sekarang. Rakyat Palestin sebelum ini menguasai 80 peratus wilayah itu dan bakinya dikuasai Israel. Lebih 60 peratus saiz Semenanjung Gaza diberi kepada Palestin, yang bermakna 90 peratus kedaulatan Palestin ini di bawah kuasai Israel.

Ada cadangan khusus dikemukakan kepada Dr Mahathir?

Ya, kita meminta Dr Mahathir menggunakan pengaruhnya menghubungi pihak pentadbiran Amerika Syarikat, anggota Majlis Keselamatan PBB dan pemimpin negara-negara Eropah bagi menekan Israel menghentikan keganasan berterusan itu. Ini kerana Amerika Syarikat juga adalah penaja bersama proses damai, untuk menggerakkan peranan mereka bagi menghentikan tindakan ganas Israel.

Adakah sebarang cadangan dikemukakan kepada Dr Mahathir bagi menghubungi Presiden George W Bush supaya bertindak segera menghentikan serangan Israel.

Ya, kita meminta beliau berbuat demikian untuk menggunakan pengaruhnya supaya dapat mengakhiri dengan lebih cepat tindakan ganas Israel yang semakin memuncak sejak seminggu lalu.

Apakah jawapan Dr Mahathir?

Beliau bersedia untuk melakukannya. Beliau bersedia menggunakan pengaruhnya untuk membuat perhubungan dengan pihak terbabit terutama Amerika Syarikat, Majlis Keselamatan PBB dan negara-negara Eropah.

Tuan menyebut mengenai pasukan PBB untuk menghentikan serangan, yang mana satu harus didahulukan...hentikan serangan dilaksanakan dulu dan kemudian baru pasukan PBB masuk?

Tidak, peperangan kami bukan peperangan konvensional. Kita tidak mempunyai tentera konvensional...ia adalah penolakan yang popular. Maknanya, semua orang berperang dengan cara sendiri dan berada di semua sudut Palestin, mereka bertindak secara sukarela. Anda tidak boleh menghentikan orang ini kecuali ada persetujuan politik. Walau apapun diperkatakan oleh Israel atau Amerika Syarikat, ia tidak membantu keadaan. Mesti ada tolak ansur. Arafat bersedia untuk hentikan serangan, tetapi dengan syarat Israel harus keluar.

Selagi Israel belum keluar, keadaan adalah sukar. Ini bukan perang konvensional. Rakyat Palestin yang membawa kayu, batu atau senapang berselerak, mereka berselerak di merata tempat di wilayah. Mereka tidak boleh melakukan apa-apa tanpa melihat Israel mula berundur. Anda tidak boleh mengawalinya, ia sukar. Sama juga seperti Arafat yang dikenakan tahanan dalam rumah dan Bush mahukannya melakukan yang terbaik untuk menghentikan peperangan, seolah-olah dia (Bush) tidak tahu wilayah Palestin diduduki orang Israel. Seolah-olah dia (Bush) tidak tahu 40,000 tentera dikerah di semua bahagian di dalam wilayah Palestin.

Bagaimana kedudukan pecahan wilayah yang diduduki Israel sekarang?

Sejarah ringkasnya begini iaitu pada 1948, Israel menduduki 26 peratus wilayah yang diperuntukkan untuk rakyat Palestin, untuk negara Palestin, sejajar dengan Pelan Pembahagian. Apa yang berbaki sekarang, 22 peratus saja dan Israel meminta sebahagian daripada 22 peratus. Inilah yang diminta oleh Perdana Menteri Israel ketika itu, Ahud Barak di sidang kemuncak Kem David dengan sembilan peratus diperuntukkan dalam bentuk lot penempatan.

Lot ini adalah semata-mata untuk menempatkan 80 peratus daripada 270,000

orang yang berhijrah mendiami Tebing Barat dan di atas tanah yang dirampas daripada rakyat Palestin. Mereka ini pula dilengkapi dengan senjata, bayangkan. Mereka ini kononnya orang awam, tetapi membawa senjata. Jadi muncullah 270,000 penghijrah yang membawa senjata itu di Semenanjung Gaza. Itu sebabnya begitu sukar, kecuali Israel mengundur keluar dari wilayah Palestin.

Apakah pilihan yang boleh dilakukan oleh Arafat sekarang?

Sekarang Arafat berada dalam tahanan rumah dan Bush memintanya untuk melakukan yang terbaik menangani konflik sekarang. Arafat keluarkan beberapa kenyataan dan arahan meminta dihentikan perang, menasihatkan rakyat Palestin jangan bertindak balas. Pada 16 Disember lalu apabila Ariel Sharon meminta supaya diadakan tujuh hari bertenang, Arafat meminta supaya dipanjangkan kepada 15 hari. Tetapi selepas tiga atau empat hari, Israel memprovokasi rakyat Palestin dan mereka mula menembak dan membunuh.

Jika sekiranya tiada sebarang perubahan dalam tempoh beberapa hari lagi, apa akan berlaku? Boleh Arafat selamat?

Kita tidak tahu. Sekarang Arafat tinggal di kediaman presidennya (juga ibu pejabat) dan sedang dikepung oleh kereta kebal Israel. Apa yang tinggal hanya dua bilik untuk semua orang yang berada di sekelilingnya di ibu pejabatnya itu. Sharon kata, untuk memencilkan Arafat tetapi pada masa sama, Bush kata Arafat harus melakukan yang terbaik membendung tindak balas rakyatnya. Dalam keadaan sedemikian, bagaimana ia boleh dilakukan oleh Arafat. Tengok...satu kenyataan yang bercanggah. Ini adalah sikap double standard Bush.

Dalam keadaan sekarang yang mana Arafat berada dalam kepungan, seperti dinyatakan, cuma ada dua bilik, adakah tidak mungkin akan berlaku penyelesaian politik? Jika penyelesaian politik tidak wujud, apakah langkah seterusnya?

Anda tahu apabila kita menerima proses damai pada Sidang Kemuncak Arab 1996, mereka memutuskan strateginya adalah keamanan dan mereka meminta Amerika Syarikat bahawa ini adalah untuk kepentingan Amerika Syarikat. Kita menerima proses damai itu dan inisiatif yang sudah dilancarkan, tajaan bersama Amerika. Ada perjanjian dalam tempoh lima tahun iaitu untuk dua tahun pertama, Israel harus memberi kebenaran kepada kemasukan 750,000 rakyat Palestin.

Kemudian satu lagi inisiatif oleh Arab selepas perbincangan 22 bulan tetapi musnah sama sekali kerana Sharon menyatakan dua perjanjian itu mengancam keselamatan Israel dan dia tidak menerimanya selepas 10 tahun perbincangan. Kini satu lagi inisiatif Arab (di Beirut minggu lalu), dengan Arab bersedia mengadakan perjanjian damai. Amerika Syarikat mengalukan inisiatif damai ini, bersama negara Eropah dan negara lain yang cintakan keamanan. Amerika Syarikat menerima resolusi Majlis Keselamatan PBB pada masa lalu, tetapi resolusi kali ini mereka tidak berbuat apa-apa.

Contohnya, salah satu resolusi ialah untuk mewujudkan negara Palestin. Ini interpretasi rejim Bush yang diumumkan selepas kejadian 11 September. Sekarang, Sharon melancarkan serangan baru ketika negara Arab mahukan strategi keamanan sebagai landasan penyelesaian. Israel diwujudkan sejajar dengan resolusi PBB, ia tidak ditubuhkan menerusi fakta sejarah dan banyak orang datang dari pelbagai sudut dunia, dan negara Barat menyokong penubuhan negara Israel. Oleh itu, mesti ada formula antarabangsa untuk mewujudkan negara Palestin. Ia menjadi tanggungjawab PBB dan Amerika Syarikat untuk melihat serta memberi perhatian kewujudan negara Palestin.

Sekarang Arafat berada dalam kepungan. Adakah tuan nampak akan wujud penyelesaian politik dalam keadaan sekarang?

Penyelesaian politik harus dilaksanakan oleh Amerika Syarikat menerusi PBB, kerana hanya kuasa besar ini boleh membantu. Ia menjadi tanggungjawab pentadbiran Amerika Syarikat. Ia harus melakukan sesuatu sejajar dengan

perundangan antarabangsa. Mereka mendakwa mereka memerangi keganasan tetapi pada masa yang sama mereka menyokong keganasan dalam negeri (oleh Israel). Bagaimana kita mengalih percanggahan ini, jika tidak ia bermakna kestabilan tidak dipelihara, dan suasana menjadi rumit serta persekitaran keganasan akan terus tercetus.

Apa pendapat tuan mengenai kejujuran Amerika Syarikat dalam isu ini?

Saya ragu, maaf saya kata ini. Itu sebab mengapa kami meneruskan penolakan kerana menerusi pengalaman kami dengan Amerika Syarikat, mereka mendengar suara Israel sepanjang masa kerana mereka menyokong penubuhan negara Israel, mereka membekal Israel dengan senjata canggih. Ini adalah salah satu syarat selepas sidang Kem David pada 1979, dan (Henry) Kasingger meletakkannya (dalam perjanjian) dan bersetuju... inilah jaminan kepada Israel, untuk menyediakannya dengan senjata canggih, dengan apa saja bantuan.

Apakah formula terbaik menangani konflik itu sekarang?

Saya rasa masyarakat antarabangsa mempunyai peranan menentang peperangan. Kita harus mengguna pakai kaedah keamanan. Selepas tragedi 11 September, keadaan bertambah kusut. Anda tahu apa berlaku di Afghanistan, tetapi saya tidak tahu sama ada rakyat Afghanistan bertanggungjawab mengenai keganasan atau tidak.

Apa pendapat anda mengenai ucapan Dr Mahathir di upacara perasmian ICFM Isnin lalu?

Ucapan itu begitu memberi perangsang dan beliau menjelaskan persekitaran mengenai tindakan keganasan, yang mungkin disalah guna. Ada masa tertentu yang khusus yang harus diberi pertimbangan yang mungkin membabitkan seperti wilayah Palestin. Mereka (rakyat Palestin) mempunyai hak menggunakan apa saja cara untuk menentang kependudukan. Rakyat Palestin dalam kes ini, menjadi sengsara untuk mempertahankan diri.

Pertama ialah punca sikap seperti ini timbul dan kedua bagaimana kita menghentikan tindakan mereka itu yang mungkin melihat emak, bapa, adik dan anak mereka tertindas, tertekan dan dibunuh. Ini bukan perang konvensional, ia bermakna semua orang jadi askar. Mereka menjadi pejuang kebebasan.

Semua rakyat Palestin menjadi pejuang pembebasan. Anda tidak boleh menghentikan orang ini kecuali musuh mereka keluar dari bandar dan rumah mereka. Dan anda tidak boleh mencegah, sama ada suka atau tidak, untuk buat ini dan tidak buat dengan yang lain. Ini adalah perjuangan. Ini adalah kes unik dalam sejarah... mereka mempertahankan tanah mereka, tana bapa mereka, mereka mempertahankan keluarga mereka, mereka mempertahankan satu-satunya kediaman mereka dan keluarga.

Sharon pergi ke situ hanya untuk provoke rakyat Palestin, yang mempertahankan kes biasa, untuk hidup sebagai manusia, untuk mempunyai hak kemanusiaan. Oleh itu, biar orang asing dan mereka yang menduduki wilayah kami itu, keluar dari situ. Kami mempunyai lebih tiga juta pelarian, mengapa bawa orang asing dari Russia untuk hidup di rumah saya misalnya di Gaza dan kemudian memberitahu saya... "tidak, anda mesti berpindah ke tempat lain." Ini tidak pernah berlaku dalam sejarah.

Dalam hidup di zaman moden ini, hormatilah hak asasi individu manusia untuk balik ke rumah sendiri. Tidak ada kuasa besar mempunyai hak untuk melarang pelarian balik ke rumah sendiri.

Adakah tuan bersetuju bahawa hanya satu negara iaitu Amerika Syarikat boleh menghentikan keganasan Israel?

Ya, tepat sekali. PBB boleh bertindak menghentikannya dengan mengenakan sekatan ekonomi terhadap Israel, supaya masyarakat rejim itu akan mengadu. Tetapi perjuangan ini akan diteruskan dan yang tewas akhirnya ialah Israel. Insyallah!

(END)

